



BANGGA...Dr Mazlina bersama mesin ciptaannya.

## Mesin memudahkan kerja di dapur



**S**ERDANG: Mesin tiga dalam satu ciptaan Dr Siti Mazlina Mustapa Kamal bertuah baginya apabila berjaya memenangi anugerah khas pada Pameran Penyelidikan Malaysia Teknologi Expo (MTE) 2008, baru-baru ini.

Mesin yang berupaya memarut serta mengupas buah-buahan serta sayuran bukan saja unik, malah ia menarik minat juri pada seterusnya menewaskan hampir 500 mesin ciptaan lain.

Dr Mazlina berkata idea untuk menghasilkan mesin itu tercetus apabila melihat mesin pengisar di rumahnya.

"Berbeza dengan mesin pengisar ia hanya boleh berfungsi untuk mengisar jadi saya terfikir bagaimana

untuk mencipta sebuah mesin yang boleh melakukan dua hingga tiga kerja sekaligus.

"Dengan mesin ini kita bukan saja boleh memarut termasuk kelapa jadi sebagai suri rumah kerja di dapur boleh dimudahkan dengan adanya mesin seperti ini," katanya, semalam.

Beliau tidak sangka dapat menewaskan peserta lain kerana ciptaannya itu hanya sebuah mesin yang biasa saja.

"Walaupun ia (mesin) nampak biasa saja tapi ia boleh lakukan serta memudahkan pelbagai kerja...mungkin itulah yang membuatkan mesin ciptaan saya menang.

"Tapi saya bersyukur kerana penat lelah saya termasuk berjaga malam untuk menyiapkan mesin dan melakukan kajian akhirnya berbaloi dengan anugerah khas ini," katanya.